

IQORA'

Bil. 7/2022
JULAI



**Live@PTAR Kepimpinan Belia@UiTM Library :
Peluang dan Ruang Melangkah ke Menara Gading
PTAR Shah Alam - muka 4**



**Kempen Derma Darah PTAR
PTAR Shah Alam - muka 7**



**Live@PTAR Sembang Santai "Peranan dan
Kerjaya Pustakawan: Peluang & Cabaran"
PTAR Rembau - muka 12**



**Kursus Microsoft Teams
PTAR Jengka - muka 20**



**Kursus : "Design Easy with Canva"
PTAR Machang - muka 24**

PROMOSI@PTAR

MOBILEAPP@UiTM LIBRARY
<https://mobileptar.utm.edu.my>

TEMPAHAN LIBRARY SMART CLASSROOM
Terdapat Applet semua warga UiTM pelajar dan staf.

Tujuan:

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan.
- Berkesan dan pantas.

Terdapat pengurangan sehingga 2 jam apabila mendaftar sebelum 30 minit.
Reservasi mulai Ahad jam 08:00 pagi hingga 5:00 petang.

Tempahan boleh dibuat melalui UiTM Booking System di <https://beta.library.utm.edu.my/>



Kata alu-aluan *Ketua Pustakawan*

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman
Ketua Pustakawan UiTM

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian. Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada bercetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Pustakawan UiTM.

Sidang Redaksi



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

IQRA'

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Cik Wan Noor Sazidah Wan Fauzi

- Shah Alam : Asmah Sabtu, Nurul Fariah Sarmin Panut, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Nur Azian Azis
- Melaka : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis : Khairil Izwan Hasan
- Sabah : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor : Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

**LIVE@PTAR KEPIMPINAN BELIA@UiTM LIBRARY:
LOGIKA BELIA; PELUANG DAN RUANG
MELANGKAH KE MENARA GADING
20 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Wan Noor Sazidah

**BULETIN
IQRA
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**

**KEPIMPINAN BELIA
@ UiTM LIBRARY** (COMMUNITY ENGAGEMENT)
Logika Belia : Peluang dan Ruang Melangkah ke Menara Gading

**20
JULAI**
02.00 - 05.00 PTG
Secara langsung di Facebook
dan Youtube Perpustakaan UiTM

PANEL JEMPUTAN
Dr. Rasydan Mohd Hassan
YDP MPP, UiTM SHAH ALAM

PANEL JEMPUTAN
Encik Fahami Ashrof Badaruddin
PEMANGKU PRESIDEN GERAKAN
BELIA 4B MALAYSIA

PANEL JEMPUTAN
Encik Mohammad Khaled Nordin
ALUMNI UiTM,
FACADE ENGINEER

MODERATOR
Puan Shahidatul Akhmam Rambeli
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program Live@PTAR dalam segmen Logika Belia: Peluang dan Ruang Melangkah ke Menara Gading bertarikh 20 Julai 2022, Rabu, jam 2:30 hingga 5:00 petang. Program ini dikendalikan oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan selaku moderator bersama panel-panel jemputan yang istimewa iaitu Saudara Rasydan Mohd Hassan (YDP MPP, UiTM Shah Alam), Encik Fahami Ashrof Badaruddin (Pemangku Presiden Gerakan, Belia 4B Malaysia), dan Encik Mohammad Khaled Nordin (Alumni UiTM, Facade Engineer), telah berlangsung dengan jayanya dan merekodkan jumlah tontonan seramai 725 orang sama ada secara atas talian dan kehadiran fizikal di perpustakaan.

Program Kepimpinan Belia@UiTM Library adalah program pembudayaan galakan membaca dalam kempen Read@UiTM dimana ia adalah program pembudayaan ilmu dan perkongsian pengetahuan serta maklumat di kalangan pakar dan professional dalam bidang kepakaran masing-masing. Program diteruskan dengan kupasan tentang tajuk Logika Belia : Peluang dan Ruang Melangkah ke Menara Gading melalui soalan-soalan yang ditujukan oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli kepada ketiga-tiga panel untuk melihat dari segi perspektif yang berbeza iaitu dari sudut seorang gerakan belia, alumni UiTM dan juga perwakilan pelajar.

Encik Fahami Ashrof Badaruddin menekankan bahawa pendidikan dan juga ilmu adalah relevan dan merupakan perkara yang sangat penting didalam kehidupan supaya tidak melanggar batas-batas dan adab-adab untuk menjadi masyarakat yang berguna. Encik Mohammad Khaled Nordin pula telah memberikan perkongsian ilmu mengenai sejarah kehidupan beliau dari beliau kecil sehingga dewasa. Beliau juga berpesan bahawa kegagalan didalam kehidupan, bukanlah pengakhiran, jangan mudah berputus asa malah bangkit dan lalukan yang terbaik selepas kegagalan, 'we are always forgiven for our mistakes'. Manakala daripada perspektif Saudara Rasydan Mohd Hassan pula, elemen-elemen yang diperlukan mahasiswa mahasiswi untuk berdaya saing adalah 3A, iaitu 'academic, attitude and activity' untuk memperolehi 3R, iaitu 'refer, relevant and respect'.

Secara kesimpulannya, pelbagai faedah yang bakal diperolehi jika kita sentiasa mempelajari ilmu pengetahuan. Tokoh Islam, Imam Syafi'e pernah berkata, Ilmu itu memberi manfaat. Masyarakat perlu mengubah stigma terhadap pendidikan adalah perkara yang sia-sia dan tidak menjamin kerjaya. Sebaliknya, setiap ilmu yang dipelajari mempunyai manfaatnya jika kita aplikasi dalam kehidupan.

**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PTAR DI SEKOLAH
KEBANGSAAN SIJANGKANG JAYA, TELOK
PANGLIMA GARANG, SELANGOR.
25 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Budaya membaca amat sinonim dengan perpustakaan disebabkan kepelbagaian sumber bacaannya. Pemupukan budaya membaca haruslah sentiasa dipupuk di segenap peringkat umur antaranya di peringkat sekolah rendah. Justeru, PTAR telah melancarkan satu program khidmat masyarakat di Sekolah Kebangsaan (SK) Sijangkang Jaya yang bermatlamat perkongsian sumber dan kepakaran dikalangan masyarakat setempat.

Program yang telah berlangsung pada 25 Julai 2022 hari Isnin, telah menyaksikan suatu majlis penyerahan 10 rak buku dan 100 naskah buku bacaan umum sumbangan PTAR oleh YBr. Encik Jamalludin Hj. Sulaiman kepada Puan Nor Hamizah binti Abdul Hamid, Guru Besar SK Sijangkang Jaya.

Seramai 12 orang staf PTAR bersama-sama barisan pentadbir, guru, Ahli Jawatankuasa PIBG dan pelajar telah bergotong royong membersihkan, memasang dan menyusun buku di rak baharu pusat sumber SK Sijangkang Jaya.

Dalam ucapannya, YBr. Encik Jamalludin telah menzahirkan setinggi penghargaan atas kesudian SK Sijangkang Jaya untuk bersama PTAR menjayakan program khidmat masyarakat ini. Beliau berharap agar jalinan kerjasama yang telah terjalin ini dapat diteruskan di masa hadapan. Program disudahi dengan penyerahan sijil penghargaan oleh Guru Besar SK Sijangkang Jaya kepada wakil PTAR yang hadir.



Disediakan oleh: Asmah Sabtu



PTAR amat berbesar hati menerima kunjungan kumpulan lima orang staf CEBU Technological University pada 26 Julai 2022 hari Selasa. Kunjungan ke PTAR ini diadakan sempena jalinan kerjasama antara UiTM Global, UiTM dan CEBU Technological University, Filipina.

Kumpulan pelawat ini telah hadir ke PTAR jam 3:30 petang dengan diiringi Dr. Idaya Husna dan Cik Liyana Mohd Ramly daripada UiTM Global.

Lima orang pelawat CEBU Technological University iaitu Dr. Rolito Imperial (Internalization and ASEAN Integration Chair-CTU Dumanjug), Prof. Rubygrace Guia (Internalization and ASEAN Integration Chair-CTU Argao), Prof. Ma. Ricka Dumas (Internalization and ASEAN Integration Chair-CTU Barili), Dr. Vincent S. Borress (Internalization and ASEAN Integration Chair-CTU San Fran) and Dr. Grace Gimena (Dean of College of Arts and Sciences-CTU Moalbal).

Sejurus tiba di PTAR, kumpulan pelawat ini telah disambut oleh Encik Norhazlan Nordin, Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir dan Puan Siti Salwa Abdul Rahman.

Puan Siti Salwa telah memberikan penerangan tentang perkhidmatan dan ruang di PTAR. Antara ruang yang dilawati ialah Koleksi Harta Intelek UiTM, Smart Classroom dan Koleksi Khas. Lawatan berakhir pada jam 4:30 petang.



Disediakan oleh: Asmah Sabtu

Perpustakaan Tun Abdul Razak
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SETITIK DARAH SEJUTA RASA
KEMPEN DERMA DARAH

JOM MENDERMA DARAH

ANJURAN **BERSAMA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
EKSAS
PUSAT DARAH NEGARA
MALAYSIA

SYARAT ASAS MENDERMA

- SIHAT TUBUH BADAN
- BERUMUR **17 HINGGA 70** TAHUN
- BERAT **MELEBIHI 45KG** KE ATAS
- **TIDUR** MINIMUM 5 JAM
- TELAH **MENGAMBIL MAKANAN** SEBELUM MENDERMA DARAH
- MEMBAWA **KAD PENGENALAN DIRI** ATAU PASSPORT

LOKASI
PTAR Excellence
Aras 3, PTAR 1

HUBUNGI
03-5544 3704 - Siti Rohayu Binti Mohamad Yusof
03-5544 3757 - Laily Hafidzun Binti Shukri
03-5544 3762 - Reza Edwana Binti Mohetar @ Mokhtar


Setitik darah yang didermakan mampu menyelamatkan nyawa insan yang memerlukan. Justeru, Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), PTAR dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah menganjurkan kempen derma darah terbuka kepada warga UiTM Shah Alam pada 26 Julai 2022, Selasa bertempat di PTAR Excellence aras 2, PTAR 1.

Kempen bermula pada jam 9:00 pagi ini telah mendapat sambutan yang hangat apabila sejumlah 111 orang telah mendaftar sebagai penderma darah.

Penganjuran kempen derma darah ini bermatlamat meningkatkan bekalan darah negara selain membudayakan cara hidup sihat dikalangan warga UiTM Shah Alam.

Sebelum majlis berakhir pada jam 4:30 petang, Puan Hani Liza Norfin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR telah menyampaikan cenderamata penghargaan kepada wakil Pusat Darah Negara.

Disediakan oleh: Nur Azian Azis




Library Outreach merupakan satu jalinan kerjasama di antara Bahagian Korporat PTAR, PTAR Undang-Undang (PUU) dan Fakulti Undang-Undang (FUU). Program ini merupakan antara platform untuk berkongsi maklumat terkini dan perkhidmatan baharu kepada warga fakulti dengan lebih berkesan.

Program Library Outreach ini telah berlangsung pada 1 Julai 2022 (Jumaat) jam 3 petang dan dihadiri oleh Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan PTAR terdiri daripada Encik Jamalludin Sulaiman, Encik Ahamad Zuber, Encik Hazlan Nordin, Dr Hajah Zalifah dan majlis ini dikendalikan oleh Puan Asmah Sabtu selaku pengantara majlis. Manakala Wakil Pengurusan FUU terdiri daripada Dr. Nur Ezan Rahmat, Dr. Rafizah Abu Hassan, Prof. Dr. Irwin, Encik Muhammad Umar, Dr. Faridah Hussain (PTAR Liaison Officer FUU) dan para pensyarah yang lain.

Sesi pada kali ini lebih berfokus kepada Perolehan Bahan Rujukan Universiti. Antara taklimat yang telah diberikan seperti Laporan Kemajuan pemilikan bahan silibus bagi program di FUU oleh Puan Masnida, Cadangan Bahan Bercetak melalui Online Recommendation oleh Puan Siti Aishah Sadan dan Cadangan Bahan Elektronik oleh Puan Aznur Umiza. Program ini telah dijalankan selama dua (2) jam secara atas talian melalui platform Cisco Webex dan seramai 42 orang warga akademik telah menyertai program ini.

Secara keseluruhan, matlamat program ini tercapai dan mendapat maklumbalas baik daripada fakulti dalam bekerjasama memantapkan lagi koleksi silibus di PUU bagi kegunaan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga fakulti. Semoga program sebegini dapat diteruskan untuk memperbaiki perkhidmatan perpustakaan selaras dengan keperluan fakulti sebagai rakan strategik penyelidikan universiti.



**PROGRAM PELANCARAN
BUKU CERITA FANTASIA KANAK-KANAK
16 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PER. SAINS & TEKNOLOGI SHAH ALAM**



Program Pelancaran Buku Cerita Kanak-Kanak telah dijalankan pada 16 Julai 2022 jam 10 pagi hingga 12 tengah hari bertempat di Aras 3, Lobi PTAR Utama, UiTM Shah Alam. Program ini juga bersiaran secara maya melalui pautan Youtube dan Facebook Rasmi Perpustakaan UiTM. Program ini adalah anjuran Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Sains & Teknologi dan Techno Crew Club UiTM dengan kerjasama PTAR Utama, IPG Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA), Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM), Kelab Sahabat Penulis, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Big Brain House (E).

Objektif program ini adalah bagi mengetengahkan karya penulisan staf dan pelajar UiTM, memupuk budaya membaca di kalangan warga UiTM di samping mewujudkan kerjasama strategik PTAR, Fakulti dan Organisasi Luar. Karya penulisan Buku Cerita Kanak-Kanak ini melibatkan Dr. Mohd Ghazali Taib, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar IPGKBA dan Pn. Jamiaton Kusrin, Pensyarah Kanan FSR UiTM Shah Alam sebagai Ketua Penulis manakala Barisan Penulis yang lain adalah terdiri daripada Pelajar Fakulti Sains Sukan, UiTM Shah Alam.

Seramai 60 orang jemputan telah hadir bagi memeriahkan lagi program yang akan diadakan. Antara yang hadir adalah Dekan FSR iaitu Prof. Dr. Mohad Anizu Mohd Nor, Timbalan Dekan Penyelidikan, Jaringan & Industri, Prof. Madya Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie dan Mahasiswa serta Mahasiswi Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA).

Program telah dimulai dengan upacara Pelancaran Buku dan seterusnya Penyampaian Cenderahati kepada Para Penulis dan Penganjur. Program ini turut dimeriahkan lagi dengan Persembahan Sesi Bercerita oleh Penulis yang merupakan Pelajar FSR, Pertunjukan Silat oleh Pelajar FSR, Nyanyian dan Tarian Tradisional oleh Pelajar IPGKBA. Diharapkan agar program seperti ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang bagi memupuk budaya minat menulis dan membaca di kalangan para pelajar khususnya dan rakyat Malaysia amnya.



Disediakan oleh: Muhammad Syafiq Amirullah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

“LibraryForAll”
http://nsemolan.library.utm.edu.my

BASIC Ai DESIGN

6 Julai 2022 | 2.30 Petang - 4.30 Petang
Makmal Komputer 1
Perpustakaan Tun Abdul Razak
CNS Kampus Rembau

Terbuka Kepada Semua Pelajar UiTM CNS Kampus Rembau

Al hazriq Zainal Abidin
Pembantu Pustakawan



Pada Rabu, 6 Julai 2022, telah berlangsung Bengkel Basic Ai Design (Students Edition) anjuran PTAR Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang dikendalikan oleh Encik Al Hazriq Zainal Abidin, Pembantu Pustakawan PTAR Kampus Rembau.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk memberi sedikit pendedahan dan pengetahuan asas mengenai perisian Adobe® Illustrator® untuk kerja-kerja pengubahan imej serta yang secara tidak langsung memantapkan lagi software skills di kalangan mahasiswa khususnya.

Program yang diadakan secara bersemuka di Makmal Komputer PTAR itu telah berlangsung selama dua (2) jam bermula 2.30 petang sehingga 4.30 petang dan mendapat sambutan yang amat mengalakkan di kalangan peserta. PTAR Kampus Rembau selaku penganjur menyasarkan program seperti ini akan diteruskan di masa akan datang.



7.7.2022

**7.7 YOUNG
ENTREPRENEUR SALES
@PTAR**

..Makanan, Minuman, Aksesori,
Prelove dan banyak lagi!!..

**JOM
MEMBELI-
BELAH
DENGAN
KAMI!!**

LOKASI : RUANG SANTAI PTAR, ARAS 1
TARIKH : 7.7.2022
MASA : 8.30 PAGI - 4.30 PETANG



Pada Khamis, 7 Julai 2022, telah berlangsung program berbentuk hari jualan, 7.7 Young Entrepreneur Sales anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan MASMED UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengalakkan mahasiswa dalam menceburi bidang perniagaan berskala kecil, selain mempromosikan perpustakaan serta perkhidmatan yang ada kepada pengguna yang datang berkunjung pada hari tersebut.

Program ini melabuhkan tirai dengan pengumuman pemenang 'Booth' Terbaik dan penyerahan hadiah telah disampaikan oleh Pustakawan Kanan, Puan Nur Rabita Rouzan. Program 7.7 Young Entrepreneur Sales mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada mahasiswa yang terlibat dengan jualan serta pengunjung yang hadir.



**LIVE@PTAR SEMBANG SANTAI "PERANAN DAN
KERJAYA PUSTAKAWAN: PELUANG & CABARAN"
19 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Muhammad Syafiq Amirullah

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN**





The poster features the Universiti Teknologi MARA logo at the top left. The main title is "LIVE@PTAR NEGERI SEMBILAN Sembang Santai..". Below the title, it states "Peranan dan Kerjaya Pustakawan: Peluang & Cabaran" and "Selasa, 19 Julai 2022 • 10.00 pagi". It includes social media icons for Facebook and YouTube, and a search bar for "PTAR Cawangan Negeri Sembilan". The poster also lists the Moderator, Panel Jemputan 1, and Panel Jemputan 2 with their names and affiliations. At the bottom, there are logos for "LibraryForAll", "PTARKAMPUSREBAU", "SEEBELY ENHANCED UNIVERSITY", "UiTM", and "PTAR".

Pada Selasa, 19 Julai 2022, telah berlangsung program Live@PTAR Sembang Santai dengan topik Peranan dan Kerjaya Pustakawan: Peluang & Cabaran anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Program ini merupakan projek khas di mana ia merupakan salah satu keperluan dalam melengkapkan program latihan industri di PTAR Kampus Rembau dan telah dikendalikan dengan jayanya oleh pelajar latihan industri, Cik Noor Nazzuhana Najwa Mohd Norzri yang juga bertindak sebagai moderator program.

Program yang berlangsung selama satu jam ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran barisan panel-panel jemputan yang hebat iaitu Puan Nurfarawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka serta Encik Muhammad Akmal Ahmat, Pustakawan Kanan di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia yang masing-masing amat dikenali sebagai salah seorang ikon Pustakawan di negara ini.

Live@PTAR kali ini membincangkan tentang tugas serta kerjaya Pustakawan masa kini yang kian berubah mengikut arus perubahan, selain mempromosi kerjaya sebagai Pustakawan di kalangan masyarakat awam yang menonton siaran tersebut. Panel-panel juga berkesempatan berinteraksi bersama penonton yang bertanyakan soalan menerusi ruangan komen di semua platform siaran langsung dengan jumlah tontonan sebanyak hampir 500 penonton semasa ia disiarkan secara langsung menerusi YouTube dan Facebook PTAR.



**LAWATAN KERJA PERPUSTAKAAN PTDI (JOHOR) & PTAR
(NEGERI SEMBILAN) KE UNIT ARKIB CAWANGAN MELAKA
5 JULAI 2022**

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman



Pada 13 Julai 2022 (Rabu), Unit Arkib Cawangan (UAC), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka telah menerima kunjungan enam (6) orang pelawat dari Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor yang diketuai oleh Puan Mawar Noor binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) UiTM Cawangan Johor dan empat (4) orang pelawat dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diketuai oleh Puan Jamilah binti Md Yusoff, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Lawatan ini diadakan adalah untuk mengetahui keseluruhan berkaitan dengan hal ehwal Pengurusan Rekod Universiti di Unit Arkib Cawangan Melaka. Selain itu, mereka juga berhasrat mendapatkan pendedahan dan amalan terbaik bagi proses pembangunan Unit Arkib Cawangan Melaka.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan kata aluan dari Puan Noor Hayati binti Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka dan diteruskan dengan sesi taklimat mengenai naik taraf Unit Arkib Cawangan Melaka dan hal ehwal Unit Arkib Cawangan Melaka yang disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka. Sesi ini diakhiri dengan sesi lawatan di sekitar Unit Arkib Cawangan Melaka bagi melihat koleksi-koleksi yang dipamerkan dan ruang-ruang yang ada di Unit Arkib Cawangan Melaka.

Semoga hasil dari lawatan ini dapat membina jaringan kerjasama yang baik dalam memacu kecemerlangan operasi serta tadbir urus perkhidmatan perpustakaan dan memberi panduan kepada mereka dalam usaha pembangunan unit arkib di tempat masing-masing.



PERTANDINGAN KOIR KEMERDEKAAN 2022 5 JULAI 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz



MELAKA, 5 Julai 2022 - Telah berlangsung Pertandingan Koir Kemerdekaan UiTM Kampus Bandaraya Melaka (KBM) 2022 pada jam 8.00 malam bertempat di Auditorium Ibu Zain yang telah dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Kampus Bandaraya Melaka, Dr. Mohd Halim bin Mahphoth.

Pertandingan secara bersemuka ini buat pertama kalinya berjaya dianjurkan oleh Unit Kebudayaan dengan kerjasama Kelab Warisan Budaya (KWB) & PTAR UiTM Kampus Bandaraya Melaka.

Pertandingan yang dianjurkan bagi mencungkil bakat mahasiswa UiTM Kampus Bandaraya ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pelajar.

Pertandingan ini melibatkan 15 pasukan yang terdiri daripada pelajar semester 5 dari pelbagai kelas.

Tempat pertama telah diungguli oleh kumpulan pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (HM2415B), tempat kedua dimenangi oleh kumpulan pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan Jurusan Sumber Manusia (BA2435C) dan seterusnya tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan pelajar dari Jurusan Perniagaan Antarabangsa (BA2465C). Masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM200, RM150 dan RM100.

Diharap program ini dapat membantu mengadaptasikan 'Budaya Warisan Bangsa' di Malaysia seterusnya memberi ilmu pengetahuan tentang aktiviti kebudayaan.



**LAWATAN DARI JABATAN PENCEGAHAN JENAYAH DAN KESELAMATAN KOMUNITI (JPJKK) IPK MELAKA KE PTAR (ARAS 12) UiTM KAMPUS BANDARAYA MELAKA
7 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



UiTM Kampus Bandaraya Melaka, 7 Julai 2022 – Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti (JPJKK) IPK Melaka telah mengadakan lawatan ke PTAR (Aras 12) Kampus Bandaraya Melaka bersama Encik Zamzuri Bin Ahmad Nazari, pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan FPHP.

Wakil pihak PDRM yang hadir dalam sesi lawatan ialah DSP V. Gunasegaran bersama ASP Shaiful daripada Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Ibupejabat Polis Daerah Melaka Tengah manakala pihak UiTM diwakili oleh Dr. Mohd Halim Bin Mahphoth, Penolong Rektor UiTM Kampus Bandaraya bersama beberapa pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP).

Selain itu, pihak PDRM juga berminat meninjau kemudahan serta fasiliti yang disediakan oleh pihak UiTM bagi melaksanakan program-program secara bersemuka mahupun di dalam talian secara usahasama di masa akan datang.



**PENGHANTARAN BAHAN 'BULK LOAN' KE INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS PEREMPUAN
MELAYU MELAKA (IPGK PM)
19 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA**



Melaka 19 Julai 2022 : PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah mengadakan lawatan dan seterusnya menghantar sebanyak 165 naskah buku yang dipinjam secara 'Bulk Loan' ke Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka (IPGK PM).

Penghantaran pinjaman secara 'Bulk Loan' ini sekaligus dapat membantu pihak Pusat Sumber Puteri IPGK Kampus Perempuan Melayu Melaka memantapkan lagi perkhidmatannya. Lawatan ini antara lain juga sebagai memenuhi syarat permohonan pinjaman berkelompok dengan mengadakan lawatan tapak ke premis pemohon.

Lawatan ini turut diketuai oleh Pn. Siti Haidah Md Aziz, En. Mohd Hilmi Mat Rosli, En. Mohd Jefary Jantan dan En. Muhammad Zahari Zubir. Dalam sesi lawatan ini juga suatu sesi perbincangan bagi membincangkan kerjasama antara kedua pihak pada masa-masa akan datang bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan.



**SESI RAKAMAN PENYEDIAAN VIDEO PROMOSI
KAMPUS UiTM CAWANGAN MELAKA
20 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz



20 Julai 2022 - telah berlangsung sesi rakaman video promosi kampus UiTM Cawangan Melaka di PTAR UiTM Kampus Bandaraya Melaka yang dikendalikan oleh pasukan produksi Pejabat Naib Canselor Universiti Teknologi MARA.

Video promosi ini adalah salah satu medium penyaluran maklumat kepada orang awam serta bakal penuntut UiTM khususnya mengenai pendedahan terhadap program program akademik dan bukan akademik serta fasiliti yang disediakan serta prasarana menarik di dalam dan di luar kampus.



FESTIVAL MASAKAN WARISAN MELAKA (FMWM) 2022
ANJURAN PERBADANAN MUZIUM MELAKA
24 JULAI 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz



MELAKA, 24 Julai 2022 - Festival Masakan Warisan Melaka (FMWM) 2022 anjuran Perbadanan Muzium Melaka berlangsung dari 22 Julai sehingga 24 Julai 2022 bertempat di Jalan Kota, Melaka. Banyak booth yang mempamerkan masakan negeri masing-masing, antaranya Kelantan, Terengganu, Johor, Perak dan lain-lain. Terdapat juga wakil daripada Masyarakat Orang Asli Melaka, Baba Nyonya, Chetti, Tamil (India), Portugis dan Teowchew (Cina). Bukan setakat itu sahaja, wakil homestay-homestay di Melaka juga turut serta menghidangkan makanan tradisional Melaka seperti asam pedas, masak lemak, kuih keria, cekodok pisang, seri muka, onde-onde dan banyak lagi.

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya juga turut serta dalam festival ini. Menu inovasi kudapan hasil ciptaan Encik Zamzuri Ahmad Nazari dan Puan Noor Ibtisam Abdul Karim menjadi pilihan pengunjung, ianya juga menarik perhatian MHI TV3 untuk membuat liputan di booth UiTM.

Festival ini telah dirasmikan oleh Datuk Salhah Binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri diiringi Datuk Akramuddin Abdul Aziz, Pengerusi Lembaga Pengarah, PERZIM, dan Drs Mohd Nasruddin Rahman, Pengurus Besar PERZIM. Turut hadir dalam perasmian FMWM, Encik Ahmad Khairuman Hasim yang Menjalankan Tugas-Tugas Rektor, Puan Noor Ibtisam Abdul Karim, Ketua Pusat Pengajian serta pensyarah-pensyarah FPHP.



**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT : TRANSIT ILMU
(FASA 2) PTAR KAMPUS ALOR GAJAH
26 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA**



26 Julai 2022 – Selasa, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat (CSR): Transit Ilmu (Fasa 2) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka sesi 2021/2022. Program ini telah diketuai oleh Puan Sariah Che' Man, Pembantu Pustakawan Tertinggi, sebagai Ketua Projek bagi Program Transit Ilmu, bersama kakitangan PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program inisiatif ini adalah tanggungjawab sosial UiTM, khususnya PTAR UiTM Cawangan Melaka terhadap komuniti setempat.

PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menerima kunjungan dari 6 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Talib Karim, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pengkalan, Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Sekolah Kebangsaan Lendu dan Sekolah Kebangsaan Dato' Naning. Program ini adalah kesinambungan Program Transit Ilmu Fasa 1 yang telah pun berjaya dilaksanakan di 6 buah sekolah tersebut secara serentak pada 22 Jun 2022. Program ini telah dihadiri oleh Encik Ahmad Khairuman Md Hasim, Penolong Rektor UiTM Kampus Jasin yang menjalankan tugas-tugas Rektor, Encik Nasaruddin Bin Rahmat, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Encik Mohd Azli Bin Muda, Penolong Pengarah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor HEP, Puan Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, Guru Besar, Guru-Guru dan 86 orang pelajar sekolah yang terlibat.

Program Transit Ilmu Fasa 2 ini bermula seawal jam 8.30 pagi bertempat di Ruang Utama Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Ahmad Khairuman Md Hasim, Penolong Rektor UiTM Kampus Jasin bersama para tetamu yang hadir. Pengisian aktiviti dalam Fasa 2 ini adalah Pertandingan Resensi Buku, dimana peserta perlu berkongsi hasil bacaan buku yang telah disediakan oleh PTAR. Aktiviti ni melibatkan 2 peserta setiap sekolah. Aktiviti ini juga merupakan inisiatif dari pihak PTAR dalam menyokong saranan dan sasaran kerajaan dalam membudayakan masyarakat membaca pada tahun 2030. Selain itu, antara pengisian aktiviti lain yang telah disediakan adalah Taklimat Jom Masuk UiTM untuk pelajar sekolah menengah dan Program Let's Think untuk murid sekolah rendah.

Secara keseluruhannya, dengan adanya program seperti ini dapat menjalinkan kerjasama strategik diantara PTAR, MPP, UiTM Cawangan Melaka dan komuniti setempat seterusnya dapat memperkenalkan perkhidmatan - perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka kepada luar khususnya untuk pelajar sekolah.

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



The poster features a central graphic with the text 'Kursus MICROSOFT TEAMS' in a stylized font. To the left is a portrait of the facilitator, En. Roslan Mamat, with his name and title 'Penolong Pegawai Teknologi Maklumat' below it. The background is a vibrant mix of orange, yellow, and blue with geometric patterns. At the bottom, there is a blue banner with the day 'SELASA', the location 'Bilik ICT 1 Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang', and the time '26 JULAI 2022 • 9.00 PAGI-5.00 PETANG'. Social media icons for Instagram, Twitter, Facebook, and a website link are also present.

Satu kursus bertajuk *Kursus Microsoft Teams* telah berlangsung pada 26 Julai 2022 (Selasa). Kursus anjuran Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka itu telah diadakan di BiliKICT 1 dan telah disampaikan oleh Encik Roslan Mamat (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat) UiTM Cawangan Pahang.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan pengetahuan asas mengenai Microsoft Teams di kalangan staf Perpustakaan Al-Bukhari. Microsoft Teams adalah sebuah platform komunikasi dan kolaborasi terbaik yang menggabungkan fitur untuk komunikasi, bekerja, belajar, serta sebagai tempat penyimpanan maklumat. Microsoft Teams ini terintegrasi dengan rangkaian produk Microsoft 365. Selain itu juga dapat diintegrasikan dengan produk selain buatan Microsoft.

Diharapkan agar Kursus: "Microsoft Teams" ini dapat memberi sedikit sebanyak pendedahan dan pengetahuan tentang kegunaan Microsoft Teams kepada staf PAB.



Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



Pada 5 Julai 2022, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program BOOK2U@Laman Perdana. Program ini diadakan bertujuan untuk mendekati pengguna dengan aktiviti-aktiviti santai yang menguji minda sepanjang sehari program berlangsung.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pertandingan "Word Swatter", "Card Tower Challenge", "Shelve It!" dan juga pinjaman buku-buku perpustakaan. Selain daripada bertemu dengan pengguna perpustakaan, program ini juga diadakan untuk mempromosikan koleksi bahan perpustakaan seterusnya menarik minat mereka untuk mengunjungi perpustakaan dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Semoga program seumpama ini dapat meningkatkan penyertaan warga kampus dalam aktiviti-aktiviti galakan membaca anjuran perpustakaan.





PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan lawatan penandaarasan daripada Peninsula College, The Ship Campus Batu Kawan, Pulau Pinang pada 15 Julai 2022 yang lepas. The Ship Campus telah diwakili oleh Puan Noor Shahidah Abdul Samad dan Encik Muhammad Jazly Hanif Junaid.

Kehadiran mereka telah disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM CPP, Puan Hayati Mokhtaram bersama ketua-ketua unit perpustakaan yang lain. Sepanjang hampir 2 jam lawatan tersebut, pelawat telah diberikan taklimat ringkas mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, perolehan dan pemprosesan bahan serta perkhidmatan perpustakaan digital yang disediakan oleh PTAR UiTM CPP.

Pelawat juga telah dibawa melawat ke ruang kerja untuk melihat sendiri tatacara kerja yang dilakukan di PTAR selain dibawa melawat ke sekitar kawasan perpustakaan untuk melihat kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan kepada para pengguna.

Semoga lawatan ini mencapai objektif yang telah ditetapkan dan memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana PTAR UiTM CPP beroperasi.



**LAWATAN KE ARKIB NEGARA MALAYSIA,
NEGERI KEDAH/PERLIS
18 JULAI 2022**

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam




18 Julai 2022 – Satu sesi lawatan ke Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis telah dilaksanakan oleh PTAR bersama Bahagian Fasiliti UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), Kampus Permatang Pauh. Lawatan ini disertai oleh Puan Farleen Azrina Zamberi selaku wakil PTAR UiTM CPP bersama-sama 3 orang staf Unit Arkib UiTM CPP dan seorang pelajar latihan industri manakala Bahagian Fasiliti UiTM CPP diketuai oleh Encik Mohd Saiful Nizam Bin Mohammad.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat ruang, peralatan, perabot dan kemudahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis di samping melihat serta mempelajari proses kerja pengurusan rekod-rekod penting. Lawatan ini juga adalah sebagai salah satu inisiatif dan persediaan bagi membangunkan ruang arkib di UiTM Cawangan Pulau Pinang.



KURSUS: "DESIGN EASY WITH CANVA" 5 JULAI 2022


Disediakan oleh: Sazlina Saleh



Pada 5 Julai 2022 (Selasa), Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan telah mengadakan Kursus: "Design Easy with Canva" bermula jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari kepada semua staf Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan serta dibuka kepada warga UiTM yang berminat untuk menyertai kursus ini. Kursus ini dijalankan menggunakan medium atas talian iaitu Cisco Webex.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memantapkan kemahiran rekacipta dan penerbitan bahan hebahan dalam kalangan staf khususnya staf PTA UiTM Cawangan Kelantan serta seluruh warga UiTM. Perkongsian bagi kursus ini disampaikan oleh Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak dan kursus ini mendapat maklum balas yang positif daripada peserta yang hadir.

Diharapkan agar Kursus: "Design Easy with Canva" ini dapat membantu peserta yang hadir dalam menghasilkan penerbitan yang lebih menarik dan kreatif dengan menggunakan aplikasi Canva.



PROGRAM "MEETS UP USER FRIENDLY @PTA 2022" 14 JULAI 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



Pada 14 Julai 2022 (Khamis), Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTMCK Kampus Machang dengan kerjasama pelajar latihan industri telah mengadakan Program "Meets Up User Friendly @PTA 2022" selama 3 jam bermula pada 10:00 pagi sehingga 1:00 petang bertempat di Ruang Legar PTA.

Program ini dikendalikan oleh pelajar latihan industri serta staf PTA UiTM Cawangan Kelantan bagi memenuhi keperluan pengguna dalam aktiviti yang disediakan. Program ini memperkenalkan perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Tengku Anis dan membantu menarik minat pelajar dan staf UiTM Cawangan Kelantan untuk membaca di samping melakukan aktiviti yang merangsang minda.

Antara aktiviti yang diadakan adalah:

1. Resensi Buku
2. Pertandingan Sudoku
3. Pertandingan Sahibba
4. Pertandingan Membaca Jawi

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan staf UiTMCK serta diharapkan agar melalui program ini dapat menarik minat pelajar dan staf untuk ke perpustakaan dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PTA.

PROMOSI@PTAR

PERSONALISED Analytic
Fast Share
Big Data
Digital
Open Access
Archive
FUTURE DIGITAL EDUCATION

MOBILEAPP@UTM LIBRARY
<https://mobileptar.uitm.edu.my>

DASHBOARD
Fines | Loan | New Arrivals | Publication

SEARCH
Information Resources

LOCATION
• UTM Libraries
• Operation Hours

DIGITAL ID
Scan ID

FAVOURITES
Saved Items

1. Click --> ADD TO HOME SCREEN

Add UTM Library on your Home Screen
Install UTM Library on your home screen, and access it just like a regular app. It really is that simple!

ADD TO HOME SCREEN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Unleashing Potentials
Shaping the Future

NEW UTM LIBRARY MOBILE APP

TEMPAHAN LIBRARY SMART CLASSROOM

Terbuka kepada semua warga UTM pelajar dan staf

Tujuan:

- Mesyuarat
- Perbincangan
- Pembentangan
- Serta yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Tempoh penggunaan **selama 2 jam**
Kapasiti maksima seramai 15 orang.

Beroperasi **Isnin hingga Jumaat**
dari **Jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.**

Tempahan boleh dibuat melalui UTM Booking System di <https://bsu.uitm.edu.my/>



libraryuitm



libraryuitm



uitmlibrary



library.uitm.edu.my



TEMPAHAN KEMUDAHAN BILIK LIBRARY SMART CLASSROOM



اوتيمار
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*

PTAR
"LIBRARY for ALL"



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my